



[Archive Since 1991](#)

[NST Appointments](#)

[Classifieds Booking](#)

[Classifieds Listing](#)

Search :

GO



NEWS

[New Straits Times](#)

[Berita Harian](#)

[Malay Mail](#)

[Harian Metro](#)

SERVICES

[Archive Since 1991](#)

[Affiliate Program](#)

[Advertise in Print](#)

[Mobile](#)

[WebCard](#)

[E-Bar](#)

BUSINESS

[Business Times](#)

[Market Report](#)

[Malaysian Investor](#)

TECHNOLOGY

[Computimes](#)

[Business Computing](#)

CHANNELS

[Property Times](#)

[Travel Times](#)

[Goodbites](#)

[Sunday People](#)

[Bintang Popular](#)

[Joran](#)

[Ikon](#)

SPORTS

[MSL](#)

[EpG](#)

EDUCATION

[NIE](#)

[WebSekolah](#)

News Archive (1991 -) Article Full Document Display

[Bottom](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Document 5 of 9

Publication : BH

Edition :

Date : 18/07/2006

Page Number : 03

Headline : 3 konsert istimewa sempena ISME

Words : 406

Byline : Oleh Nurulhisham Abdul Latiff

Text :

SEMPENA Persidangan Dunia Pertubuhan Pendidikan Muzik Antarabangsa (ISME) ke-27, Dewan Filharmonik Petronas (DFP) dengan bangga mempersembahkan tiga konsert istimewa sebagai sebahagian Program Pendekatan & Pendidikan Orkestra Filharmonik Malaysia.

Ia bertujuan menyokong usaha kesedaran terhadap muzik di kalangan remaja di Malaysia. Semua tiga konsert terbabit dijadualkan pada hari ini (18 Julai).

Konsert pertama diberi tema ISME 2006 Lunch Concert jam 12.50 tengah hari. Konsert satu jam itu akan menampilkan persembahan Orkestra Cina Jit Sin dari Malaysia dan The Australian Voices. Tiket dijual pada harga RM5 untuk orang awam dan percuma untuk delegasi ISME.

Orkestra Cina Jit Sin pernah memenangi pingat emas pada Festival Muzik Cina Antarabangsa ke-21 serta berpengalaman mengadakan persembahan di Thailand dan China. The Australian Voices pula dihormati pada peringkat antarabangsa menerusi pengalaman mengadakan konsert di serata dunia, sejak 10 tahun lalu.

Konsert kedua pula diberi tema ISME 2006 Late Afternoon Concert yang akan bermula jam 6 petang, dengan menampilkan Koto Ensemble dari Jepun dan Menora dari Universiti Teknologi Mara. Tiket dijual pada harga yang sama, RM5 untuk orang awam dan percuma untuk delegasi ISME.

Kemuncak agenda hari ini tentunya konsert yang dijadualkan berlangsung jam 8.30 malam. Persembahan itu dijayakan Keystone State Boys' Choir, Miaoli Children's Choir, Viva dan The Operafest Children's Choir.

The USA's Keystone State Boys' Choir sememangnya sudah dikenali ramai hasil konsert jelajah mereka di Afrika Selatan, Brazil, Kanada dan Hong Kong. Miaoli Children's Choir pula mempromosikan lagu tradisi Hakka dan pernah mengadakan persembahan di banyak acara muzik berprestij di negara mereka, Taiwan dan juga Jepun.

Viva, dari Norway, sering dikaitkan dengan kualiti muzik yang tinggi dan pernah bekerjasama dengan ramai pemuzik jazz serta orkestra simfoni, manakala The Operafest pula satu-satunya kumpulan koir kanak-kanak di Malaysia yang memenangi dua hadiah pada pertandingan koir peringkat antarabangsa.

Persembahan dua jam bertemakan Festival Sentuhan ISME 2006 itu juga adalah sebahagian agenda KL Festival 2006. Tiket menyaksikan konsert itu dijual kepada orang awam dan delegasi ISME pada harga RM10.

Bersempena ISME 2006 juga, DFP mengadakan pameran di Dewan Persidangan 2 dan 3, Kuala Lumpur Convention Centre dari 18 Julai hingga 20 Julai (dari jam 9 pagi hingga 6 petang) dan 21 Julai (9 pagi hingga 2.30 petang).

Untuk tempahan tiket, orang ramai boleh menghubungi 03-20517007 atau menerusi faksimili 03-20517077. Mereka yang berminat juga boleh menghantar e-mel ke alamat dfp_boxoffice@petronas.com. Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari laman web www.malaysianphilharmonic.com atau www.isme.org/isme2006.

(END)

[Top](#) [Prev Doc](#) [Next Doc](#) [Result List](#) [Search](#) [Help](#) [Home](#)

Mail [webheads](#) for site related feedback and questions. Get [sales](#) for other kind of help.

Copyright © The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Balai Berita 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Powered by: Zope, Red Hat, Apache, Python, Php3, Perl